



No. Dasar: PNM/DS/13 -P1

Tarikh diluluskan: 14 Mac 2013

DASAR KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDINGAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Kenyataan Dasar

Memastikan perkhidmatan khidmat nasihat dan perundingan dilaksanakan secara terancang ke arah pembangunan dan perkembangan perpustakaan di Malaysia selaras dengan piawaian kebangsaan dan antarabangsa yang diterima pakai

KANDUNGAN

1. PENGENALAN	2
2. KENYATAAN DASAR	2
3. SKOP.....	3
4. DEFINISI.....	3
5. OBJEKTIF	4
6. STRATEGI.....	4
7. AKTIVITI	4
8. PENGEMASKINIAN DASAR	5
9. TARIKH KUAT KUASA.....	5
LAMPIRAN A	
Sumber Rujukan.....	6

DASAR KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDINGAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

1. PENGENALAN

Perpustakaan Negara Malaysia sebagai peneraju kepimpinan dalam bidang perpustakaan dan kepastakawanan bertanggungjawab membantu agensi kerajaan dan bukan kerajaan menubuh atau mempertingkatkan perkhidmatan perpustakaan di dalam negara sebagaimana yang termaktub di dalam *Akta Perpustakaan Negara 1972* (Mengandungi Segala Pindaan Hingga 1 Januari 2006)(Akta 80) Bahagian II Seksyen 4(2) (b) :

“memberikan nasihat dan membantu dalam perancangan dan perkembangan perpustakaan di peringkat kebangsaan;”

dan Bahagian II Seksyen 4(2) (i) :

“menggalakkan penubuhan suatu rangkaian perpustakaan khusus selaras dengan piawai kebangsaan bagi mengadakannya.”

2. KENYATAAN DASAR

Memastikan perkhidmatan khidmat nasihat dan perundingan dilaksanakan secara terancang ke arah pembangunan dan perkembangan perpustakaan di Malaysia selaras dengan piawai kebangsaan dan antarabangsa yang diterima pakai.

3. SKOP

Dasar ini meliputi semua aktiviti khidmat nasihat dan perundingan yang dijalankan oleh Perpustakaan Negara Malaysia.

4. DEFINISI

4.1 *Khidmat Nasihat*

Khidmat nasihat adalah proses menganalisis situasi semasa keseluruhan komponen perkhidmatan perpustakaan dan memberi cadangan penambahbaikan terhadap kelemahan komponen perkhidmatan perpustakaan yang telah dikenalpasti mengikut piawaian kebangsaan dan antarabangsa yang diterima pakai. Khidmat nasihat diberi mengikut jadual yang dirancang atau keperluan di luar jangkaan kepada agensi kerajaan dan bukan kerajaan secara percuma.

4.2 *Khidmat Perundingan*

Khidmat perundingan adalah proses perbincangan antara Perpustakaan Negara Malaysia dengan pihak luar bertujuan untuk merancang samada pembinaan infrastruktur, pengisian koleksi, struktur perjawatan atau jenis perkhidmatan perpustakaan yang diperlukan. Khidmat perundingan boleh dilaksanakan dengan kerjasama Pustakawan dari Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang yang diperlukan. Khidmat perundingan kepada agensi kerajaan diberi secara percuma manakala agensi bukan kerajaan dikenakan kadar bayaran yang ditetapkan.

5. OBJEKTIF

Memberi perkhidmatan khidmat nasihat dan khidmat perundingan yang berkesan dan memenuhi keperluan pengguna selaras dengan piawaian kebangsaan dan antarabangsa yang diterima pakai.

6. STRATEGI

- 6.1 Melaksanakan khidmat nasihat dan khidmat perundingan berdasarkan piawaian kebangsaan dan antarabangsa yang diterima pakai.
- 6.2 Memberi kesedaran mengenai pelaksanaan pengurusan perpustakaan berdasarkan piawaian kebangsaan dan antarabangsa yang diterima pakai kepada pegawai dan kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia dari Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan.
- 6.3 Mengemaskini garis panduan dan piawaian dalam bidang perpustakaan mengikut keperluan.
- 6.4 Menjalin hubungan strategik dengan pihak yang berkaitan untuk memantapkan perkhidmatan perpustakaan.

7. AKTIVITI

- 7.1 Mengadakan lawatan khidmat nasihat untuk menganalisis situasi semasa komponen perkhidmatan perpustakaan mengikut jadual yang dirancang atau keperluan di luar jangkaan.
- 7.2 Menyediakan laporan khidmat nasihat sebagai cadangan penambahbaikan terhadap penemuan kelemahan komponen perkhidmatan yang dikenalpasti.

- 7.3 Melaksana lawatan susulan jika perlu bagi memastikan cadangan penambahbaikan yang dipersetujui telah dilaksanakan.
- 7.4 Mengadakan perbincangan khidmat perundingan dengan pihak luar yang membuat permohonan.
- 7.5 Menyediakan kertas cadangan khidmat perundingan hasil daripada perbincangan dengan pihak yang memohon perkhidmatan.

8. PENGEMASKINIAN DASAR

Kajian semula dasar ini akan dilakukan sekurang-kurangnya lima (5) tahun atau berdasarkan kepada keperluan semasa.

9. TARIKH KUATKUASA

Dasar ini berkuatkuasa mulai dari tarikh diluluskan oleh Ketua Pengarah PNM.

Dasar diluluskan oleh:



.....
(DATO' RASLIN BIN ABU BAKAR)
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

Tarikh: 14 Mac 2013

LAMPIRAN A

SUMBER RUJUKAN

1. Akta Perpustakaan Negara Malaysia 1972 (Mengandungi Segala Pindaan Hingga 1 Januari 2006) (Akta 80) .
2. Garis Panduan Perpustakaan Khusus. Perpustakaan Negara Malaysia, Ed. Ke-2, 2010.